



**YAA KETUA PENGARAH / KETUA HAKIM SYARIE**  
**Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM)**  
*Syariah Judiciary Department Malaysia*  
Aras 2 – 4, Blok D7, Kompleks D  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62677 PUTRAJAYA  
MALAYSIA



Tel: 603-8886 4800  
Faks: 603-8889 1621  
Laman Web: [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)  
E-mel: [ibrahim@esyariah.gov.my](mailto:ibrahim@esyariah.gov.my)

Ruj. Kami : JKSM.600-1/2/4 JLD3 (6)  
Takwim : 9 Rabiul Awal 1438 H  
Tarikh : 9 Disember 2016

**YAA Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-Mahkamah Syariah Negeri-Negeri.**

**ARAHAN AMALAN NO 6 TAHUN 2016**  
**Tatacara Penarikan Diri Peguam Syarie Dalam Kes Mal/Jenayah**

Saya ingin menarik perhatian YAA kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Tahun 2016 pada 24 hingga 26 Zulhijjah 1437H bersamaan 26 hingga 28 September 2016 di Hotel Wana Riverside, Melaka telah bersetuju dan mengesahkan untuk menerima pakai Arahan Amalan mengenai **Tatacara Penarikan Diri Peguam Syarie** seperti mana berikut:-

1. Permohonan tersebut hendaklah dimulakan dengan hadir dan memfailkan Borang MS 8 (bagi kes Mal) dan borang seumpamanya bagi kes Jenayah.
2. Borang tersebut hendaklah disampaikan kepada pihak anak guam.
3. Mahkamah perlu meneliti permohonan tersebut dengan memastikan pemfailan borang yang betul dan bukti penyampaian borang tersebut kepada anak guam.
4. Mahkamah membuat keputusan setelah mempertimbangkan kepentingan Peguam Syarie dan/atau anak guamnya.

Arahan Amalan ini berkuat kuasa mulai 9 Disember 2016.

**(TAN SRI DR. IBRAHIM LEMBUT)**  
Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia

